

21/05/2002

Polis siasat penyaluran maklumat laman web al-Qaeda

KUALA LUMPUR, Isnin - Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai hari ini mengesahkan polis sedang menyiasat kegiatan pihak tertentu di negara ini yang dipercayai menyalurkan maklumat untuk laman web khas berkaitan kegiatan pertubuhan al-Qaeda.

"Perkara ini sememangnya dalam siasatan serta perhatian rapi polis dan ia dikategorikan sebagai rahsia besar. Oleh itu, sebarang perancangan yang dirangka polis tidak perlu didedahkan untuk pengetahuan semua," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau, yang diminta mengulas mengenai dakwaan CNN bahawa dua hos yang menyumbangkan maklumat kepada laman web al-Qaeda dikesan beroperasi di negara ini, bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

Wartawan CNN, Zain Verjee, dalam temuramah dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu bertanyakan Perdana Menteri mengenai perkara itu, yang menurutnya dikesan oleh CNN sendiri.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memaklumkan beliau belum mengetahui mengenai perkara itu. Apa yang diketahui umum ialah kebanyakan laman web berasal dari Amerika.

Dalam laporan berita dunianya selepas temuramah itu, CNN memaklumkan ada 18 sistem pelayan Internet di seluruh dunia yang menjadi hos kepada kandungan laman web mengenai Osama Bin Ladin dan al-Qaeda. Malah, CNN menyebut nama sebuah syarikat di Malaysia yang dikesan menjadi hos itu.

CNN juga melaporkan, pihak berkuasa Malaysia sudah menyerbu pejabat syarikat berkenaan pada pagi Rabu lalu.

Laman web itu, antara lain memuatkan gambar, dokumen dan artikel yang ditandatangani Osama, selain turut menyiarkan video mengenai pengganas yang menyerang Amerika Syarikat pada 11 September 2001.

Norian ketika ditanya sama ada siasatan itu dijalankan sebelum atau selepas siaran temubual CNN itu berkata:

"Kita (polis) dah lama tahan dan bertindak terhadap pihak yang dikesan cuba menggugat keselamatan negara, sebelum kejadian 11 September lagi," katanya.

(END)